

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 16 APRIL 2014 (RABU)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Rainfall ends rationing in parts of Taiping	The Malay Mail
2	Catuan bekalan air di zon satu daerah Taiping dihentikan khamis ini	Bernamea.com
3	Syor penilaian risiko agihan	Kosmo
4	Kecoh radioaktif bocor	Harian Metro
5	Bukan kebocoran radioaktif	Sinar Harian
6	Worker dies after crane crashes 11 floors	The Malay Mail
7	Prototaip kecemasan REMS	Kosmo
8	Persidangan antarabangsa CyberSecurity November ini	Bernamea.com
9	Billion ringgit government grants abused, says Rafizi	The Malaysian Insider
10	Dana pemotongan subsidi diguna untuk R&D MOSTI, dakwa Rafizi	Astro Awani
11	Kemana lesap dana R&D RM 1.152 bilion MOSTI?	Sinar Harian Online
12	Geran R&D Mosti disalahgunakan, dakwa Rafizi	Free Malaysia Today
13	MOSTI Grant: Kemana dana geran R&D dibelanjakan, soal Rafizi PKR	Malaysian Review

Rainfall ends rationing in parts of Taiping

By P. Chandra Sagar
csagaran@mmail.com.my

IPOH — Residents in some parts of Taiping and Kamunting will be able to receive uninterrupted water supply as rainfall over the last two weeks in the wettest town in the country has partially solved the problem.

Water levels at the Taiping Headworks water treatment plant had increased during the rationing period, which began on April 3.

The residents would receive the supply from the plant, where the daily output capacity had increased to 30 million litres from

26 million litres.

Cloud seeding was also carried out by the Malaysian Meteorological Department in Taiping for three days beginning last Friday.

However, water levels at the Ayer Kuning dam remain low.

Perak Public Utilities, Infrastructure Energy and Water committee chairman Datuk Zainol Fadzi Paharuddin said although there was rainfall, it did not rain at the water catchment areas.

“Residents have been asking why there should be water rationing since the town is experiencing rainfall,” he told reporters after attending the weekly exco meeting here yesterday.

He also urged residents to obtain information on water rationing from authorities including the Perak Water Board.

“I have heard of people who want to initiate legal action against the board for water rationing but the reality we have to face is water from the rainfall is not filling up catchment areas,” he said.

A total of 13,678 households will be taken out from the water rationing exercise from tomorrow.

However, another 9,841 homes would experience the second phase of water rationing with a new schedule from tomorrow until April 30.

Zainol Fadzi said: “This time around, the

rationing exercise has been reduced from two days to one-and-a-half days.”

The board is set to inform residents of the new water rationing schedule, which has been approved by the National Water Services Commission.

The prolonged drought from the beginning of the year had caused water levels to drop at Taiping Headworks and water was sourced from the Ayer Kuning water treatment plant which receives water from Ayer Kuning dam.

Zainol Fadzi said the board had requested the department to conduct a second cloud seeding exercise in Taiping and northern parts of the town.



Catuan Bekalan Air Di Zon Satu Daerah Taiping Dihentikan Khamis Ini

IPOH, 15 April (Bernama) -- Lembaga Air perak (LAP) akan menghentikan catuan bekalan air berjadual bagi keseluruhan kawasan zon satu di daerah Taiping melibatkan 13,678 akaun, pada Khamis ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Tenaga dan Air Negeri Datuk Zainol Fadzi Paharudin berkata ini kerana paras air di Loji Taiping Headworks meningkat daripada 26 juta liter kepada 30 juta liter berikutan hujan baru-baru ini.

"[Jabatan Meteorologi](#) melakukan pembenihan hujan kerana paras air tidak menerima hujan yang cukup, bagaimanapun hasil daripada kejadian hujan ini menyebabkan peningkatan paras air di Loji Taiping Headworks," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Exco di sini hari ini.

Sementara itu, beliau berkata sebahagian kawasan zon dua, yang melibatkan bekalan dari Loji Rawatan Ayer Kuning, catuan akan diteruskan bagi tempoh dua minggu bermula 17 hingga 30 April ini melibatkan 9,841 akaun.

Katanya, paras air di Empangan Ayer Kuning masih rendah dengan kapasiti simpanan sebanyak 50 peratus.

"Beberapa kawasan di dalam Zon 2B iaitu Taman Semarak, Taman Assam Maju dan Taman Raja Idris Shah melibatkan 1,817 akaun manakala Zon 2C iaitu Taman Kota dengan 200 akaun akan dikeluarkan daripada zon catuan," katanya.

Zainol Fadzi berkata, untuk kali ini tempoh catuan dikurangkan daripada dua hari ke satu setengah hari.

"Kalau sebelum ini, tempoh masa 40 hingga 50 jam untuk dapatkan air, kali ini dipendekkan antara 30 hingga 36 jam. Penduduk perlu membuat perancangan pengurusan air secara berhemat bagi mengelakkan pembaziran," katanya.

Katanya LAP telah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara untuk melakukan catuan bekalan air buat kali kedua.

Selain itu, beliau berkata LAP telah memohon kepada Jabatan Meteorologi untuk membuat pembenihan hujan di kawasan Taiping dan Utara termasuk di Empangan Bukit Merah yang juga menghadapi penurunan paras air.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 11
TARIKH: 16 APRIL 2014 (RABU)

Elak ketirisan bantuan kerajaan, salah guna pihak yang mahu mengambil kesempatan

Syor penilaian risiko agihan



RAZALI (dua dari kanan) menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta program pegawai integriti bertauliah sambil diperhatikan oleh Abu Kassim (tiga dari kanan) di Bangi, Selangor semalam.

BANGI - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mencadangkan penilaian risiko mekanisme pengagihan program bantuan kewangan kerajaan dibuat bagi mengelakkan elemen-elemen ketirisan atau salah guna berlaku.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed berkata, kerajaan perlu melihat aspek itu secara menyeluruh supaya bantuan yang diagihkan tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak yang mengambil kesempatan.

“Dasar membantu rakyat tidak ada kelemahan, dasar memang baik (bagi rakyat) tetapi masalahnya ialah di

peringkat pelaksanaan.

“Kalau tidak dibuat penilaian, risikonya ialah kerugian semasa pelaksanaan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Perasmian Penutup Forum dan Penyampaian Sijil Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Siri Kenam di Lembaga Perlesenan Tenaga Atom di sini semalam.

Perasmian itu disempurnakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Razali Ibrahim.

Seramai 31 CeIO menerima sijil tauliah berkenaan.

Abu Kassim berkata, syor

mengenai perkara tersebut bukan sahaja melibatkan program bantuan kewangan IAzam atau BRIM (Bantuan Kewangan 1 Malaysia) tetapi semua polisi yang melibatkan bantuan kewangan bagi rakyat.

Dalam pada itu beliau memberitahu, SPRM mengalu-alukan sebarang pendekatan kerajaan bagi membantu rakyat yang memerlukan sokongan kewangan dan berharap mekanisme pengagihan dikaji semula bagi mengelakkan ke tirisan.

“Kajian semula ini penting bagi memastikan tidak wujud elemen salah guna atau menyeleweng bantuan yang di sediakan,” katanya.

Kecoh radioaktif bocor

■ Kebakaran kilang di Rawang tidak jejakkan keselamatan penduduk

ASAP tebal berpunca daripada kebakaran sebuah kilang di Rawang, semalam.



Oleh Mohd Fadly Samsudin dan Nabihah Nazam
am@mediaprima.com.my
Rawang

Penduduk sekitar daerah ini gempar apabila kebakaran mendadak di sebuah kilang menjalankan aktiviti pensterilan produk kesihatan di Taman Industri Integrasi Rawang, di sini, pagi semalam, didakwa mengakibatkan kebocoran radiasi besar-besaran.

Kebimbangan penduduk berpunca daripada pelbagai mesej dan gambar tersebar melalui laman media sosial Facebook dan Whatsapp yang mendakwa bakal berlaku letupan selain penyebaran radiasi radioaktif sehingga jarak 100 kilometer.

Komander Operasi Pengua-

sa Bomba (PgB) Mohd Haikal Md Kasri berkata, pihaknya menerima maklumat awal berhubung kebakaran mesin yang menggunakan sistem Cobalt 60 di kilang itu sekitar jam 6 pagi semalam.

"Jentera pertama dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Rawang tiba di lokasi kejadian pada jam 6.01 minit dan berjaya mengawal kebakaran.

"Tiada kebocoran dan bacaan luar biasa terhasil selepas pihak bomba dan pegawai Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) melakukan pemeriksaan di kilang ini. Hasil pemantauan lanjut mendapati bacaan paras radiasi adalah normal dan tidak melebihi 0.18 microsievert," katanya.

Menurutnya, paras bacaan rendah itu tidak mendatangkan risiko bahaya kepada ke-

sihatan penduduk di kawasan ini.

"Kebakaran hanya menyebabkan beberapa kotak produk disimpan di dalam kilang itu terbakar.

"Operasi membabitkan seramai 39 anggota bersama dua jentera (water tanker), tiga jentera pemadam api model Light Fire Rescue Tender (LFRT) dan sebuah jentera dari Unit Bahan Berbahaya (HB)," katanya.

Sementara itu, Harian Me-



ANGGOTA bomba mengukur tahap radiasi di pekarangan kilang, semalam.

tro difahamkan kilang berkenaan beroperasi seperti biasa semalam selepas mendapat pengesahan selamat diduduki daripada pihak bomba dan AELB.

TAHAP BACAAN MICROSIEVERT YANG BOLEH MENGANCAM NYAWA MANUSIA

2milisievert setahun (mSv)

Radiasi yang biasa dialami semua orang (purata 1.5 mSv di Australia, 3 mSv di Amerika Utara)

9 mSv setahun

Tahap radiasi dialami kru pesawat destinasi New York-Tokyo

20 mSv setahun

Had terkini bagi pekerja industri nuklear

50 mSv setahun

Had sebelum ini bagi pekerja industri nuklear. Ia juga kadar purata dos di beberapa tempat di negara tertentu seperti Iran, India dan Eropah

100 mSv setahun

Tahap paling rendah dengan sebarang peningkatan akan menyebabkan barah

350 mSv setahun

Kriteria penduduk dipindahkan di Chernobyl

1,000 mSv setahun

Menyebabkan penyakit radiasi termasuk rasa loya dan peningkatan sel darah putih tetapi bukan kematian. Jika lebih, penyakit dialami serius.

5,000 mSv setahun

Menyebabkan separuh yang terdedah menemui maut dalam tempoh sebulan

Sumber - Persatuan Nuklear Dunia

Bukan kebocoran radioaktif

RAWANG - Sebanyak 80 kotak sarung tangan getah yang digunakan dalam sektor perubatan terbakar ketika sedang melalui proses pensterilan di sebuah kilang terletak di Rawang Industri di sini.

Hal ini sekali gus menafikan khabar angin berlaku kebocoran radioaktif seperti disebarkan dalam media sosial semalam.

Pegawai dari Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) berkata tiada kebocoran dan bacaan radiasi adalah normal sekitar 0.14 dan paling tinggi 0.18 microsievert, iaitu tidak mendatangkan risiko kepada penduduk di kawasan ini.

Pengarah Bahagian Kemudahan Iradiasi Agensi Nuklear Malaysia, Mohd Sidek Othman berkata, kebakaran berlaku secara dalaman dan tidak menjejaskan kawasan persekitaran.

"Terdapat bahan mudah terbakar dalam sistem Cobalt 60 yang digunakan untuk proses saringan membunuh kuman dan bakteria pada sarung tangan yang digunakan dalam industri perubatan.

"Bagaimanapun kebakaran terkawal kerana sistem dilindungi dengan ketebalan 15 meter yang mengandungi tiga lapisan," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Katanya, insiden adalah pertama kali



Asap masih kelihatan keluar dari kawasan kilang tengahari semalam.

berlaku dalam negara dan punca kebakaran masih dalam siasatan.

Sementara itu, Ketua Operasi dari Balai Bomba Rawang, Yusri Saharjo berkata, pihak bomba menerima panggilan kecemasan sekitar jam 5.59 pagi berkenaan berlaku kebocoran kimia yang kemudiannya unit khas Hazmat ditugaskan membuat pemeriksaan.


"Kita membuat kawalan di luar dan sebagai langkah pencegahan dua kilang terletak bersebelahan diarah tutup sementara.

"Pemadaman menggunakan penyembur manual dibuat bagi mengurangkan kebakaran dalaman untuk pemulihan sistem dilakukan," katanya.

Katanya, orang awam diminta tidak menyebarkan maklumat palsu berkenaan kebocoran radioaktif kerana boleh menimbulkan kebimbangan orang ramai.

Sehingga jam 4 petang semalam, anggota bomba masih berada di lokasi dan asap dari pembakaran sarung tangan getah masih kelihatan tetapi tidak memudaratkan.

Worker dies after crane crashes 11 floors



The crane is a total wreck after the incident. — Picture by Bernama

By **Fahirul N. Ramli**
fahirul@mmail.com.my

PETALING JAYA — A man plunged to his death when a crane on which he was working crashed at a building under construction in Ara Damansara yesterday.

Mohd Hafadz Sanip, 26, fell 11 floors and died on the spot in the 9am incident in Jalan PJU 1A/2.

Selangor Fire and Rescue Department deputy director Mohd Sani Harul said a team from the Section 7 fire station went to the scene after getting a call.

"The victim's body was sent to the Universiti Malaya Medical Centre for post-

mortem," he said.

The cause of the crane crash is being investigated.

On a separate incident, Sani said the Rawang Fire and Rescue Department received a call at 6am yesterday on a possible radioactive leak at a factory in the Rawang Integrated Industrial Area.

"A fire had broken out from some

boxes containing a chemical (Cobalt 60) and emitted heavy smoke," Sani said.

"The department's hazardous materials team along with personnel from the Atomic Energy Licensing Board were called in to investigate.

"Both teams later verified the incident had been contained and it was not hazardous to those living nearby," he added.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 29
TARIKH : 16 APRIL 2014 (RABU)

RABU 16 APRIL 2014

Infiniti

INOVASI ● SAINS ● GAJET

TABEBUIA
BAK SAKURA
DI MALAYSIA 32

TIP TINGKATKAN
KESELAMATAN
TELEFON PINTAR 36

Prototaip Kecemasan REMS



Singkatkan masa menyelamat

Angkasa cipta peranti pengesan yang dapat dimanfaatkan oleh pesakit kritikal.

Oleh HAFIZ AHMAD
mohammadhafiz_ahmad@kosmo.com.my

DISAHKAN menghidap sakit jantung setahun lalu membuatkan Fahmi Idris, 54, sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga agar kesihatan dirinya terpelihara.

Dia mengurangkan aktiviti harian dan mula mengamalkan cara hidup sihat dengan dikawal selia oleh ahli keluarganya.

"Saya juga membuat senaman ringkas tetapi tidak terlalu berat kerana bimbang diserang sakit jantung secara tiba-tiba," ujarnya ketika ditemui *Infiniti* di Planetarium Negara, Kuala Lumpur baru-baru ini. Bekerja di sektor awam, Fahmi berharap mempunyai satu peranti yang membolehkan dia berhubung secara terus dengan ahli keluarga dan hospital ketika berlakunya detik-detik cemas.

"Baru-baru ini, saya terbaca di akhbar bahawa pihak Agensi Angkasa Negara (Angkasa) telah mencipta alat prototaip yang boleh digunakan pesakit sebagai penggera kecemasan.

"Pada pendapat saya, ia sangat bermanfaat terutamanya kepada pesakit yang berjauhan dengan keluarga," kongsi Fahmi.

Peranti yang dinamakan Sistem Kecemasan Perubatan Luar Bandar (REMS) merupakan sistem pengesan kedudukan pesakit menggunakan aplikasi satelit Sistem Penentu Kedudukan Global (GPS) dan satelit *Remote Sensing*.

Dibangunkan oleh Angkasa dengan kerjasama Bulan Sabit Merah



IZHAM JAAFAR & IHSAN ANGKASA

PERBINCANGAN dan kajian yang menyeluruh dilakukan oleh Angkasa bagi memastikan REMS dapat bertindak sebagai peranti kecemasan dan menyelamat.

Malaysia (BSMM), ia membolehkan pengguna menghubungi Perkhidmatan Perubatan Kecemasan (EMS) dan ahli keluarga dengan menekan butang kecemasan (SOS).

"Ketika berlaku kecemasan seperti serangan jantung dan sesak nafas, pesakit kebiasaannya menjadi panik. Mereka tidak dapat berfikir dengan tenang.

"Maka, dengan adanya peranti REMS ini, jangka masa penyelamat boleh disingkatkan kerana isyarat yang diberikan oleh pesakit ke pusat kawalan EMS hanya mengambil masa 15 hingga 45 saat," jelas Pegawai Penyelidik, Bahagian Pembangunan Teknologi dan Aplikasi Angkasa, Shahrizal Ide Moslin.

Dia menambah, pesakit yang menekan butang SOS pada REMS, ia akan menghantar isyarat koordinat kepada EMS. Ia seterusnya memaparkan lokasi pesakit pada peta digital di komputer pusat kawalan EMS.

Maklumat

Maklumat lokasi itu membolehkan EMS menghantar ambulans ke tempat tersebut dan membawa pesakit ke hospital berdekatan.

"Di pusat kawalan, pihak EMS boleh menjejaki kedudukan ambulans ketika menuju ke lokasi kecemasan menggunakan Sistem Lokasi Kenderaan Automatik (AVLS).

"Pada masa sama, paramedik boleh melihat data-data perubatan pesakit bagi memudahkan mereka mengenal

Located Last Signal
Signal ID : 25087
Name : Wan nurhafizoh
long - 2.78547
Lat - 101.50665
Time -13/2/2014 5:19:14 PM
Signal - Tracking
Imei No -356823031187318

APABILA pesakit menekan butang SOS, pihak EMS akan menerima koordinat dan maklumat pesakit yang dipaparkan menerusi komputer.

“ Di pusat kawalan, pihak EMS boleh menjejaki kedudukan ambulans ketika menuju ke lokasi kecemasan menggunakan Sistem Lokasi Kenderaan Automatik ”

pasti tahap kesihatan mangsa. Jelas Shahrizal, maklumat terperinci pesakit amat diperlukan supaya pihak EMS mengetahui tahap keseriusan kesihatan pesakit. "Sebagai contoh, jika pesakit menghidap sakit jantung, mereka perlu dirawat dalam kadar segera bagi mengelakkan perkara tidak diingini berlaku. Disebabkan itu, pesakit diwajibkan mengisi borang maklumat peribadi dan rekod kesihatan mereka," ujarnya.

Menurut seorang lagi Pegawai Penyelidik Angkasa, Ooi Wei Han, setakat ini, peranti prototaip itu mendapat perhatian daripada BSMM dan akan digunakan kepada pesakit-pesakit terpilih.

Katanya, BSMM akan memberikan peranti tersebut kepada mereka yang mempunyai penyakit kritikal dan memerlukan rawatan segera seperti sakit jantung, angin ahmar, elepsi dan wanita mengandung.

"Selain memberikan isyarat GPS, peranti tersebut juga dilengkapi dengan



REMS menerima dua pingat emas dalam Icomex 2014 di Jitra, Kedah baru-baru ini.



MELALUI penciptaan REMS, ia dapat membantu pihak EMS meningkatkan masa untuk menyelamatkan mangsa.



KERATAN AKHBAR KOSMO (INFINITI) : MUKA SURAT 31 TARIKH : 16 APRIL 2014 (RABU)

◀ kemudahan menyimpan dua hingga tiga nombor telefon ahli keluarga pesakit.


"Malah, ketika mereka menekan butang SOS, nombor-nombor yang disimpan itu akan menerima sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) berserta koordinat pesakit," ujar Wei Han.

Talian telefon

Memandangkan ia boleh membuat panggilan, peranti itu memerlukan talian telefon untuk berfungsi dan perlu dicas seperti alat elektronik biasa.

Pembangunan REMS yang dibiayai menerusi dana Program Inovasi Inklusif 2013 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menentangkan dua bentuk rekaan iaitu jam tangan untuk pengguna lelaki dan peranti kecil mudah alih bagi wanita.

Rekaan ini mendapat dua pingat emas pada pertandingan reka cipta *Innovation And Invention Competition Through Exhibition (Icompex) 2014* di Jitra, Kedah baru-baru ini.



MAKLUMAT terperinci perlu diisi bagi memudahkan pihak EMS mengenal pasti aspek keselamatan dan kesihatan pesakit.

Justeru, pihak Angkasa berhasrat untuk menaik taraf peranti kecemasan itu dengan beberapa penambahan.

"Pada fasa kedua, ia akan dinamakan *Rapid Emergency Medical System* penggunaannya diperluaskan lagi kepada orang awam.

"Selain itu, kami dalam kajian untuk menambah fungsi sensor yang dapat mengesan perubahan tekanan suhu dan kadar degupan jantung

pesakit," optimis Shahrizal.

Tambahnya, gajet ini boleh dimanfaatkan hospital-hospital swasta mahupun agensi insurans untuk diberikan kepada pesakit yang memerlukan.

WEI HAN menunjukkan sistem digital yang diguna pakai oleh pihak EMS.



PESAKIT boleh menggunakan REMS ketika melakukan aktiviti harian.

KIRI: Peranti REMS tidak hanya memberikan koordinat lokasi pesakit, malah boleh membuat dan menerima panggilan ke nombor pilihan.

Teknologi satelit memanfaatkan rakyat

PERANTI Sistem Kecemasan Perubatan Luar Bandar (REMS) dapat membantu pasukan penyelamat mahupun paramedik dalam usaha menyelamatkan mangsa-mangsa di lokasi kejadian.

Ini bukan sahaja mengurangkan jangka masa pencarian malah mengelak daripada kehilangan nyawa terutamanya mangsa yang mempunyai penyakit kritikal.

Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Dr. Noordin Ahmad berkata, peranti tersebut mampu memberikan maklumat awal tentang pesakit sekali gus membantu memudahkan paramedik dan pemantauan ambulans.

"Bidang penyelamat dan kecemasan perlu menyediakan teknologi yang terbaik kerana ia melibatkan jiwa dan nyawa manusia," ujarnya ketika dihubungi baru-baru ini.

Dia menambah, penciptaan REMS merupakan komitmen Angkasa untuk terus bergiat dalam menerajui penggunaan teknologi satelit untuk dimanfaatkan rakyat.



PENGGUNAAN teknologi dalam proses menyelamat perlu dipergiatkan kerana ia melibatkan nyawa orang awam.

"Salah satu pelan pelaksanaan jangka pendek Angkasa ialah memanfaatkan teknologi angkasa kepada rakyat.

"Pada tahun 2013, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mengadakan program Inovasi Inklusif yang bertujuan untuk mem-

bolehkan inovasi digunakan untuk golongan kurang bernasib baik. Melalui program tersebut, Angkasa mengambil peluang untuk melaksanakan projek pilot iaitu REMS.

Sebagai permulaan, Angkasa menghasilkan 30 unit percubaan untuk diberikan kepada Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM). Ia akan diguna pakai oleh pesakit-pesakit kritikal yang memerlukan perhatian dan penjagaan rapi.

"Selain itu, Angkasa juga bergiat dalam menyediakan produk lain seperti untuk memudahkan operasi kerja luar, modul pendidikan angkasa, pembangunan bandar pintar dan penghasilan data pemetaan secara mudah," ujar Noordin.

Negara-negara yang kerap dilanda bencana seperti Jepun dan Amerika Syarikat terlebih dahulu menggunakan teknologi angkasa untuk program-program persediaan menghadapi bencana dan kaedah pengurusan bencana.



Persidangan Antarabangsa Cybersecurity November Ini

IPOH, 15 April (Bernama) -- Lebih 1,000 peserta dijangka menghadiri Persidangan Antarabangsa CyberSecurity yang akan berlangsung selama tiga hari bermula 11 Nov di sini.

Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata persidangan itu julung kalinya menggabungkan tiga persidangan utama antarabangsa iaitu 'Awards Conference And Exhibition', 'World Trustmark Alliance Annual Summit 2014' dan 'Securing Internet of Things' dengan satu siri program latihan kepakaran dan pertandingan debat kebangsaan 'CyberSafe Challenge Trophy 2014'.

"Persidangan ini menarik minat tokoh-tokoh keselamatan siber antarabangsa seperti Prof Howard A. Schmidt yang merupakan Koordinator Keselamatan Siber kepada pentadbiran Presiden Barack Obama dari tahun 2009 hingga 2012," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat exco Selasa.

Beliau berkata kerajaan negeri berpandangan bahawa persidangan itu adalah keperluan memandangkan isu keselamatan siber menjadi isu keselamatan negara berikutan kecanggihan teknologi dan kepesatan aplikasi Internet.

"Antara objektif yang mahu dicapai hasil daripada persidangan itu ialah mengukuhkan keupayaan dan kepakaran negara melalui latihan dan bengkel keselamatan siber serta meningkatkan reputasi Malaysia sebagai sebuah negara yang menjamin standard amalan dan keselamatan siber," katanya.

-- BERNAMA

MALAYSIA

Billion ringgit government grants abused, says Rafizi

BY EILEEN NG

April 15, 2014

UPDATED: Apr 15, 2014 03:55 pm



Member of Parliament for Pandan Rafizi Ramli (right) speaks next to PKR secretary-general Datuk Saifuddin Nasution Ismail (centre) and Lembah Pantai MP Nurul Izzah Anwar during a press conference at their party headquarters in Petaling Jaya, today. - The Malaysian Insider pic by Najjua Zulkefli, April 15, 2014.

More than a billion ringgit in government grants given for research and development (R&D) purposes has been misused, raising the question of what the funds were used for, a PKR lawmaker said today.

Pandan MP Rafizi Ramli said between 2009 and last year, RM1.152 billion was disbursed as grants. Of the total, RM900 million was from the Science Fund, Technofund, Innofund and Human Capital Development Fund (STI Fund); RM246 million from the Commercialisation of R&D Fund (CRDF) and RM6 million from the Technology Acquisition Fund.

However, Science Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin had recently admitted that only 20 R&D end results had been commercialised yearly.

"This raises the question - what else were the funds used for? Were they fully utilised for commercialisation of the R&D end results or for other purposes?" Rafizi said at a press conference at the PKR headquarters.

The PKR strategist, who became famous for exposing the RM250 million National Feedlot Corporation (NFC) cattle scandal that led to the eventual resignation of an Umno minister, said he would expose the abuse of the ministry's R&D grants in the next couple of weeks.

Claiming he had "full proof", Rafizi said he would unveil how the grants were used to help certain unnamed "individuals" linked to Putrajaya.

The wrongdoings, he said, were bigger than the NFC scandal.

"Obviously in Malaysia, if you dig hard enough you'll find some dirt," he said, adding that the information on the wrongdoings involving the R&D grants came from both the ministry's yearly reports as well as information from whistle-blowers.

The NFC scandal was first exposed by the Auditor General Report 2011 which stated that the cattle-rearing project did not meet its milestones, followed by revelations by Rafizi that funds were abused to buy high-end property.

The project was awarded to NFCorp, operated by the family of former Wanita Umno head Datuk Seri Shahrizat Jalil whose husband Datuk Seri Dr Mohamed Salleh Ismail chairs the company's board of directors, which also includes the couple's children.

They were later alleged to have misused the government's allocation of RM250 million for the project.

Salleh pleaded not guilty in March last year to two counts of criminal breach of trust involving some RM49.7 million with regards to the purchase of two condominium units, and two other charges under the Companies Act.

Shahrizat subsequently quit her ministerial post and did not contest in the last general election. - April 15, 2014.



Geran R&D Mosti disalahgunakan, dakwa Rafizi

Ikhwan Zulkaflee | April 15, 2014

Geran berjumlah RM1.152 bilion disalurkan tetapi hanya 20 hasil kajian R&D yang dikomersilkan.



PETALING JAYA: Pengarah Strategi PKR Rafizi Ramli mempersoalkan adakah dana geran penyelidikan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) yang disalurkan bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) digunakan sepenuhnya ataupun digunakan untuk membantu individu-individu tertentu.

Menurut Rafizi, hasil semakan ke atas laporan-laporan tahunan kementerian tersebut, pewartaan dan berita, sejumlah RM1.152 bilion telah disalurkan sebagai geran penyelidikan R&D dari 2009 hingga

2013, namun tidak mendapat pulangan yang sewajarnya.

"Jumlah RM 1.152 bilion bagi tempoh terkini bukanlah satu jumlah yang kecil. Jumlah ini sudah tentulah menimbulkan kontroversi jika tidak memberikan pulangan sewajarnya bila mana kerajaan Barisan Nasional (BN) terus memotong subsidi untuk menjimatkan perbelanjaan sedangkan jumlah yang diijamatkan itu dibelanjakan pula kepada geran-geran R&D seperti ini.

"Semasa melancarkan Mosti Commercialisation Year 2014, menterinya Datuk Dr Ewon Ebin mengakui hanya 20 hasil kajian R&D yang dikomersilkan setiap tahun.

"Beliau juga mengakui kadar itu rendah dan menasarkannya supaya ia ditingkatkan tiga kali ganda iaitu 60 hasil kajian yang dikomersilkan setiap tahun," katanya dalam satu sidang media hari ini.

Calon naib presiden PKR itu turut mempersoalkan adakah dana ini digunakan sepenuhnya atau digunakan bagi tujuan lain, yang akan didedehkannya dalam tempoh terdekat.

"Dalam dua minggu ini, saya akan mendedahkan beberapa penyalahgunaan dana R&D Mosti yang menunjukkan bagaimana dana awam digunakan bagi tujuan selain dari R&D.

"Ia juga menunjukkan bahawa kaedah geran digunakan sewenang-wenangnya untuk membantu individu tertentu sedangkan rakyat biasa berdepan kesukaran untuk mendapatkan pinjaman, apatah lagi geran," katanya lagi.

Tambah Rafizi, beliau mempunyai bukti terdapat campurtangan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dalam keputusan memberi geran Mosti yang bernilai ratusan juta.

Beliau berharap pendedahan ini nanti akan membuka mata rakyat agar kaedah pemberian geran dan peruntukan dana bernilai berbilion ringgit yang tidak telus dikaji kembali ketika rakyat dihimpit dengan peningkatan kos sara hidup.



Dana pemotongan subsidi diguna untuk R&D MOSTI, dakwa Rafizi

PETALING JAYA: Pemotongan subsidi yang sepatutnya bertujuan menjimatkan perbelanjaan Negara telah digunakan sebagai geran Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), dakwa Parti Keadilan Rakyat (PKR) hari ini.

Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli berkata kerajaan telah membelanjakan lebih RM1 bilion dalam tempoh lima tahun tetapi hanya 20 hasil kajian R&D yang berjaya dikomersialkan.

Menurut beliau, di Antara tahun 2009 hingga 2013, sejumlah RM1.152 bilion telah dibelanjakan sebagai geran R&D iaitu sebanyak RM900 juta kepada Tabung STI (ScienceFund, Technofund, Innofund, Human Capital Development Fund), RM246 juta kepada Tabung Commercialization of R&D Fund (CDRF) dan sebanyak RM6 juta kepada Tabung Technology Acquisition Fund (TAF).

"Jumlah RM1.152 bilion bagi tempoh terkini bukanlah satu jumlah yang kecil.

"Jumlah ini sudah tentu menimbulkan kontroversi jika tidak memberi pulangan yang sewajarnya bila mana kerajaan Barisan Nasional (BN) terus memotong subsidi untuk menjimatkan perbelanjaan, sedangkan jumlah yang diijamatkan itu dibelanjakan pula kepada geran-geran R&D seperti ini," katanya dalam satu sidang media di ibu pejabat PKR, Selasa.

Beliau mengulas mengenai Laporan Ketua Audit Negara 2013 yang memberi tumpuan kepada prestasi pengurusan Skim Jaminan Dana Pembiayaan Teknologi Hijau di bawah kawal selia **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)**.

Rafizi juga mendakwa salah satu dari keputusan yang memberi geran MOSTI pada jumlah yang sangat besar dan menimbulkan tanda tanya melibatkan campurtangan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

"Ia menimbulkan persoalan kemanakah sebenarnya dana ini digunakan?"

"Benarkah ia digunakan sepenuhnya bagi tujuan pengkomersilan R&D atau ia digunakan bagi tujuan-tujuan lain?," soal beliau.

Dalam pada itu, Rafizi yang juga Ahli Parlimen Pandan memaklumkan, beliau akan mendedahkan beberapa penyalahgunaan dana R&D digunakan bagi membantu individu tertentu dalam dua minggu ini.

Tambahnya, dengan pendedahan tersebut, beliau berharap ia dapat membuka mata rakyat agar pemberian geran dan peruntukan dana tersebut dapat dikaji semula dalam keadaan rakyat sedang berhadapan dengan kenaikan harga barang.



Ke mana lesap dana R&D RM1.152 bilion Mosti?

PETALING JAYA- Pengarah Strategik PKR hari ini mempersoalkan berhubung perbelanjaan geran Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) bernilai RM1.152 bilion yang dikendalikan **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti)**.

Rafizi Ramli yang mendedahkan kononnya berlaku penyelewengan dana awam turut mempersoalkan wujudnya campur tangan didakwa oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam membuat keputusan memberikan geran pada jumlah yang sangat besar.

"Dalam dua minggu ini, saya akan mendedahkan beberapa penyalahgunaan dana R&D Mosti yang menunjukkan bagaimana dana awam digunakan bagi tujuan selain daripada R&D.

"Salah satu daripada keputusan memberi geran Mosti pada jumlah yang sangat besar dan menimbulkan tanda tanya apabila ia melibatkan campur tangan Najib," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat PKR, di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian mengulas lanjut Laporan Ketua Audit Negara 2013 yang memberi tumpuan kepada prestasi pengurusan Skim Jaminan Dana Pembiayaan Teknologi Hijau.

Mengulas lanjut, Rafizi menambah, berdasarkan semakan prestasi yang dilakukan beliau ke atas Mosti mendapati sebanyak RM1.152 bilion dibelanjakan kerajaan untuk geran R&D sejak 2009 hingga 2013.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM900 juta disalurkan kepada Tabung STI (ScienceFund, Technofund, Innofund, Human Capital Development Fund), RM246 juta pula kepada Tabung CRDF (Commercialization of R&D Fund) dan sebanyak RM6 juta kepada Tabung TAF (Technology Acquisition Fund).

Dalam pada itu, Rafizi turut mempersoalkan pemberian geran itu apabila tidak memberikan pulangan yang sewajarnya berbanding perbelanjaan besar itu.

"Semasa melancarkan Mosti Commercialisation Year 2014, Menteri Mosti, Datuk Dr Ewon Ebin mengakui bahawa hanya 20 hasil kajian R&D yang dikomersialkan setiap tahun.

"Beliau mengakui kadar itu rendah dan menyasarkan supaya ia ditingkatkan tiga kali ganda iaitu 60 hasil kajian yang dikomersialkan setiap tahun," dakwa Rafizi.

Mosti Grant: Ke mana dana geran R&D dibelanjakan, soal Rafizi PKR

MOSTI GRANT: PKR mempersoalkan perbelanjaan geran Penyelidikan & Pembangunan (R&D) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) yang menelan perbelanjaan RM1.152 bilion, namun tidak memberikan pulangan yang sewajarnya.

Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli, berkata hanya 20 hasil kajian R&D yang dikomersialkan setiap tahun, dan jumlah itu terlalu kecil berbanding perbelanjaan R&D yang besar.

“Kita tidak tahu pun apa hasil R&D yang kita komersialkan, kita tidak pernah nampak.

“Siapa fikir projek R&D akan jadi sarang penyalahgunaan dana awam,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat PKR di Petaling Jaya, hari [ini](#).

Rafizi bagaimanapun berkata, PKR tidak menentang R&D, tetapi tatakelola kewangan yang baik harus dilaksanakan bagi memastikan dana yang diberikan setimpal dengan hasilnya.

“Jumlah RM1.152 bilion bagi tempoh terkini bukan jumlah kecil. Jumlah ini sudah tentu menimbulkan kontroversi jika tidak memberikan pulangan sewajarnya.

“Kerajaan Barisan Nasional (BN) terus memotong subsidi untuk menjimatkan perbelanjaan, tetapi jumlah yang dijimatkan itu dibelanjakan pula kepada geran R&D,” katanya.

Ahli Parlimen Pandan itu mendakwa, semakan yang dilakukannya dalam Laporan Ketua Audit Negara 2013 mendapati Mosti memberikan geran dengan jumlah besar dan menimbulkan tanda tanya mengenai campur tangan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

“Saya harap pendedahan ini dapat membuka mata rakyat agar kaedah pemberian geran dan peruntukan dana berbilion ringgit yang tidak telus dikaji kembali,” katanya.

Beliau turut memberikan komitmen untuk terus membuat pendedahan terhadap penyalahgunaan dana geran R&D sepanjang bulan ini.

“Ia menimbulkan persoalan, ke mana sebenarnya dana ini digunakan? Benarkah ia digunakan sepenuhnya bagi tujuan pengkomersialan R&D atau ia digunakan bagi tujuan lain,” katanya.

Rafizi berkata, pemberian geran R&D oleh Mosti ini lebih teruk berbanding pinjaman mudah yang diberikan kerajaan seperti isu Pusat Fidlot Nasional (NFC), kerana dana yang disalurkan tidak perlu dipulangkan kembali kepada kerajaan.